

Syukur rumah terhakis diganti

Baling: "Saya bersyukur apabila dimaklumkan kami akan mendapat rumah lebih selamat dan tidak perlu bimbang apabila hujan lebat dan banjir," kata Norismaiza Ismail, 41, mangsa banjir di Kampung Banggol Derom, Mukim Bongor, di sini.

Rumah yang diduduki bersama keluarganya itu hanya menunggu masa untuk rebah ke dalam sungai disebabkan hakisan.

Norismaiza berkata, ini berikutan rumahnya hanya

terletak dua meter dari tebing Sungai Ketil menyebabkan ia mudah dimasuki air dan berlaku hakisan.


"Kami tidak tahu nak pindah ke mana kerana tidak berharta atau mempunyai tanah sendiri untuk membina rumah menyebabkan kami terpaksa tinggal di sini," katanya.

Katanya, mereka lima beranak kini bersyukur apabila ditempatkan di rumah Projek Perumahan Rakyat Termiskin (PPRT) Kampung Banggol Pe-

tai yang tidak jauh dari situ dan berasa lebih selamat.

Sementara itu, Ahli Parlimen Baling Datuk Seri Abdul Azeez Abdul Rahim ketika mengunjungi keluarga terabit berkata, keluarga terabit terdedah kepada bahaya kerana rumah mereka berdepan hakisan kerana banjir.

"Saya meminta keluarga itu berpindah terus ke rumah PPRT berkenaan dengan membawa barangan mereka kerana keadaannya lebih selamat," katanya.



KEADAAN rumah Norismaiza yang runtuh akibat hakisan.